

## Pembudayaan Semangat Kesukarelawanan Melalui Kursus Kepimpinan Sukarelawan

Oleh Erick Ricky Sungkit

[erickricky95@gmail.com](mailto:erickricky95@gmail.com)

KOTA KINABALU, 11 MAC - Kursus Kepimpinan Sukarelawan Zon Sabah dan Sarawak peringkat kebangsaan telah diadakan di dewan kuliah pusat baru 14, UMS pada pukul 9.30 pagi sehingga 1 petang.

Kursus ini melibatkan beberapa buah Universiti awam iaitu UITM, UNISZA, UNIMAP, UMT dan termasuk UMS sendiri bagi peringkat zon Sabah dan Sarawak. Seramai 124 peserta mendaftarkan diri untuk menyertai kursus tersebut.

Tujuan kursus kepimpinan ini adalah untuk memupuk semangat dan kesedaran kesukarelawanan yang tinggi dalam kalangan sukarelawan Universiti khususnya di Sabah dan Sarawak.

Kursus tersebut dimulakan oleh Pegawai Psikologi Kanan Universiti Utara Malaysia, Mejar Hj.Sahrin Hj.Ahmad dengan melakukan beberapa aktiviti suai mesra bersama-sama dengan peserta yang datang daripada universiti yang berbeza.

Selepas sahaja aktiviti suai mesra, kursus kepimpinan ini diteruskan dengan ceramah yang disampaikan oleh Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus dan Kesukarelawanan, En. S.Ramlee Shamsuddin.

Ceramah yang disampaikan lebih bersifat kepada perkongsian pengalaman ketika melakukan aktiviti-aktiviti sukarelawan

dalam membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.

Sebaik sahaja selesai ceramah tersebut, kursus diteruskan oleh Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, En.Abdul Rahman Bin Ahmad dengan menyampaikan ceramah berkaitan pengurusan program sukarelawan.

Beliau menyarankan bahawa sebelum membuat sesuatu aktiviti sukarelawan, terlebih dahulu kita kenalah membuat sesuatu perancangan dengan menyediakan kertas kerja, melakukan tinjauan, mendapatkan dana, tempah peralatan dan mengenal pasti sukarelawan.

Kursus yang berlangsung selama tiga jam berakhir pada pukul 12 tengahari selepas sahaja selesai ceramah daripada En Abdul Rahman.

Ketika En. S.Ramlee ditemu bual, beliau berkata bahawa sambutan bagi zon Sarawak dan Sabah sangat memberangsangkan dan sambutan yang ditunjukkan bagi para peserta juga sangat baik.

Kursus yang diadakan di UMS ini bukan merupakan kali pertama dilakukan dalam peringkat kebangsaan.

"Seminar kesukarelawanan ini telah dilakukan sejak tahun 2015 untuk peringkat kebangsaan tetapi dipecahkan mengikut zon" katanya menjelaskan latar belakang kursus ini.

Rancangan MASKUM pada masa akan datang ialah dengan meneruskan latihan kepada para pelajar dan seterusnya membudayakan semangat kesukarelawanan serta menggalakkan kerjasama antara universiti awam.



Barisan Pegawai Maskum dan Sukarelawan zon Sabah dan Sarawak

Foto Oleh Erick Ricky Sungki